

Headline	<b>Tak percaya khabar duka</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>20. Aug 2008</b>	Page No	<b>8</b>
Media Title	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>349 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Setempat</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>336603</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2192000</b>	AdValue	<b>4487.36</b>



Ibu, dua anak maut nahas

# Tak percaya khabar duka

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia  
Md Denli dan Hadzilhady  
Hassan

**P**UCHONG: Seorang warga emas yang mula menyayat hati yang disampaikan kepada dirinya hanya gurauan akhirnya dengan berat hati terpaksa menerima khabar sedih mengenai kematian isteri dan dua anaknya dalam kemalangan di Meranti Jaya di sini, semalam.

Abdul Jalil Yusof, 64, pada mulanya tidak dapat menerima kenyataan, malah menganggap panggilan telefon dibuat seorang pegawai polis untuk memaklumkan berita sedih itu hanya gurauan individu nakal yang tidak dikenalinya.

Dalam kejadian jam 1 tengah hari itu, pegawai penyiasat di Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang, Inspektor Zaidi Hashim yang menghubungi Abdul Jalil dimarahi lelaki itu kerana disangka cuba mereka-reka cerita palsu bagi meriaut-nakutkannya.

Bagaimanapun selepas diminta bertentang dan dileaskan kejadian itu, barulah lelaki berkenaan memperceyai kemalangan ngeri terabit benar-benar menimpakan isteri dan dua anaknya yang ketika itu dalam perjalanan menziarahi kubur anak sulungnya di Sepang.

Ketua Polis Trafik Selangor, Superintendant Che Hussin Omar, berkata kemalangan berlaku ketika ketiga-tiga mangsa baru selesai menziarahi kubur ahli keluarga ter-

dekat di Tanah Perkuburan Islam Meranti Jaya, Puchong, tengah hari semalam.

Menurutnya, mangsa, Azmi Abdul Jalil, 33, adiknya, Norhidayu Abdul Jalil, 23, dan ibu mereka, Minun Aman, 50, menaiki sebuah Perodua Kancil untuk pulang ke rumah mereka di Pandan Jaya, Ampang.

Azmi memandu Perodua Kancil berkenaan melalui Jalan Putra Perdana berhampiran Kawasan Perindustrian George Kent, Meranti Jaya, sebelum dirempuh sebuah

kenderaan pelbagai guna (MPV) Naza Ria.

"Maklumat awal mendapat pemandu kenderaan Naza Ria terbabit memandu laju sebelum kenderaannya hilang kawalan dan melanggar penghadang di tengah jalan," katanya.

Menurutnya, kejadian itu menyebabkan kenderaan Naza Ria milik Universiti Putra Malaysia (UPM) itu me-

lambung sebelum dirempuh kereta mangsa yang datang dari arah bertentangan.

"Kereta mangsa hampir hancur akibat pelanggaran itu menyebabkan ketiga-tiga mangsa tersebut dalam kenderaan. Akibat kejadian itu, pihak polis terpaksa mendapatkan bantuan bomba dan penyelamat Cyberjaya untuk mengeluarkan semua mayat mangsa yang tersebut.

"Semua mangsa yang meninggal dunia di tempat kejadian akibat cedera parah di kepala kemudian dihantarkan ke Hospital Serdang untuk tindakan lanjut," katanya.

Menurutnya, pemandu Naza Ria terbabit bagaimanapun menghilangkan diri sejurus kemalangan sebelum menyerauh diri di Ibu Pejabat Polis daerah Sepang pada jam 1.45 tengah hari.



AZMI...terbunuh

NORHIDAYU...maut



HANCUR...keadaan kereta Perodua Kancil yang dinaiki tiga mangsa bersepadu selepas bertembung dengan Nazaria di Puchong, tengah hari semalam.